

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN TEO KOK SEONG [ RASAH ]**

**TARIKH : 29.10.2014 (RABU)**

**TUAN TEO KOK SEONG [ RASAH ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan secara terperinci apakah tindakan yang diambil oleh pihak kerajaan terhadap sindiket "Gores dan Menang" dan Skim Cepat Kaya yang telah menyebabkan kerugian yang teruk terhadap rakyat.

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Penipuan “Gores dan Menang” merupakan suatu bentuk tawaran hadiah atau baucer percuma kepada orang ramai dengan hanya menggores atau membuka sekeping kad. Kegiatan ini tertumpu di kawasan terbuka seperti tempat letak kereta pasaraya-pasaraya, bank-bank, pusat perhentian bas dan sebagainya. Mereka yang telah memenangi hadiah dikehendaki membayar sejumlah wang sedangkan barang yang dimenangi tiada atau bayaran tersebut tidak setimpal dengan barang yang diterima.

Skim Cepat Kaya pula merupakan suatu skim pelaburan yang menawarkan kadar pulangan yang tinggi atau tidak realistik dalam masa yang singkat. Skim ini biasanya menjanjikan pelaburan tersebut adalah bebas daripada sebarang risiko dan tidak berdaftar dengan Kementerian ini, Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti, Suruhanjaya Koperasi Malaysia atau pihak-pihak berkuasa lain. Ia juga termasuk sebarang bentuk pelan atau aktiviti pelaburan yang menyalahi undang-undang walaupun ianya dijalankan oleh institusi berdaftar dengan pihak berkuasa yang berkenaan.

Tindakan yang telah diambil oleh Kementerian ini terhadap sindiket “Gores dan Menang” dan Skim Cepat Kaya ialah seperti berikut:

- i) Membatalkan lesen syarikat jualan langsung yang menjalankan aktiviti “Gores dan Menang” dan Skim Cepat Kaya di bawah Akta Jualan Langsung dan Skim Anti-Piramid 1993 (AJLSAP 1993). Dari tahun 2005 sehingga September 2014, sebanyak 33 syarikat

jualan langsung telah dibatalkan lesen kerana terbabit dengan aktiviti berkenaan;

- ii) Mengambil tindakan undang-undang dan pendakwaan di Mahkamah ke atas syarikat dan individu yang menjalankan aktiviti penipuan “Gores dan Menang” dan penyelewengan jualan langsung termasuk Skim Cepat Kaya di bawah AJLSAP 1993. Dari tahun 2005 sehingga September 2014, sebanyak 595 kes telah dihasilkan dengan nilai rampasan berjumlah RM15,423,523.00. Daripada jumlah tersebut sebanyak 168 kes telah kompaun dan didenda di Mahkamah melibatkan nilai RM1,849,350.00;
- iii) Menubuhkan Jawatankuasa Khas Bersama Bagi Menangani Jenayah Kolar Putih yang dianggotai oleh agensi penguatkuasaan di Malaysia seperti oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Bahagian Penguatkuasa KPDKKK, Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Bank Negara Malaysia (BNM), Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC), Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Jawatankuasa ini bertujuan memudahkan jalinan kerjasama antara agensi penguatkuasaan dalam aspek pemantauan, risikan, serbuan, siasatan dan pendakwaan di samping memberi kesedaran awam dalam usaha menangani jenayah kolar putih termasuklah penipuan “Gores dan Menang” dan Skim Cepat Kaya;
- iv) Melancarkan ‘Ops Gores 2014’ yang bermula pada 20 Mac 2014 hingga 19 September 2014 bertujuan untuk membanteras aktiviti penipuan “Gores dan Menang” dengan lebih berkesan. Pelan

tindakan membanteras aktiviti penipuan “Gores dan Menang” yang dilancarkan telah menggariskan langkah-langkah yang perlu dilaksanakan bagi membanteras aktiviti penipuan “Gores dan Menang” di seluruh negara. Sepanjang OPS tersebut, sebanyak 42 kertas siasatan telah dibuka di bawah Akta Jualan Langsung dan Skim Anti-Piramid 1993 dan Akta Perihal Dagangan 2011 dengan nilai rampasan berjumlah RM473,931.00 manakala sebanyak 13 orang telah ditangkap untuk dihadapkan ke Mahkamah;

- v) Pemantauan secara berterusan terhadap skim-skim pelaburan yang ditawarkan kepada orang ramai yang dibuat melalui media massa, internet, iklan, risalah dan sebagainya; dan
- vi) Menjalankan program-program kesedaran pengguna berkaitan aktiviti penipuan “Gores dan Menang” dan Skim Cepat Kaya seperti:
  - a) ceramah-ceramah kepenggunaan kepada orang ramai di peringkat bandar dan luar bandar;
  - b) menyalurkan maklumat kesedaran melalui media cetak, elektronik dan iklan-iklan di papan tanda di kawasan yang menjadi tumpuan orang ramai; dan
  - c) program bual bicara di radio, televisyen dan menerbitkan drama televisyen untuk memberi kesedaran kepada orang ramai mengenai penipuan “gores dan menang” dan skim cepat kaya. Antara program tersebut ialah ‘Suara Kita Hak Kita’ yang ditayangkan secara langsung melalui TV1 pada

setiap hari Isnin, jam 9 malam, dan penerbitan drama bertajuk ‘Langsai dan Buka Mata’.

**NO. SOALAN: 34**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM  
[ PERMATANG PAUH ]**

**TARIKH : 29 OKTOBER 2014**

**RUJUKAN : 7159**

**SOALAN:**

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [ Permatang Pauh ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan sama ada siasatan terhadap dua orang penumpang pesawat MAS MH370 yang dilaporkan menggunakan pasport palsu telah dijalankan dan apakah hasil siasatan setakat ini.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Untuk makluman, selepas kejadian MH370, siasatan ke atas kes dua (2) orang penumpang pesawat MAS MH370 yang dilaporkan menggunakan pasport milik orang lain mendapati mereka adalah warganegara Iran iaitu POURIA NOUR MOHAMMAD dan SEYED MOHAMMED REZAR DELWAR masing-masing menggunakan Pasport milik CHRISTIAN KOZEL warga Austria No. Pasport P2979523 dan LUIGI MARALDI No. Pasport YA318197 warganegara Itali. Kedua-dua penyamar (*impostor*) tersebut berjaya melepassi pemeriksaan imigresen semasa masuk ke Malaysia melalui KLIA pada 28 Februari 2014 dan keluar pada 7 Mac 2014 kerana sistem pemeriksaan imigresen di pintu masuk Negara tidak diintegrasikan dengan sistem pengkalan data kes kehilangan pasport Interpol. Pasport yang digunakan oleh kedua-dua orang penyamar tersebut adalah pasport tulen.**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

**Suka saya tegaskan disini bahawa siasatan juga mendapati destinasi terakhir kedua-dua penumpang tersebut ialah untuk masuk dan tinggal bersama keluarga mereka di Eropah.**